

Headline	Petronas dapat manfaat kenaikan tarif gas		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Language	Malay
Date	12 Jul 2016	Readership	563,000
Circulation	171,663	Page No	17
Section	Ekonomi	Journalist	N/A
ArticleSize	143 cm ²		
PR Value	RM 8,479		



Petronas dapat manfaat kenaikan tarif gas

KUALA LUMPUR 11 Julai - Petronas bakal menerima manfaat daripada kenaikan tarif gas paip pada separuh kedua tahun ini, menurut agensi penarafan antarabangsa Fitch Ratings.

Firma itu berkata, kenaikan itu positif buat syarikat minyak dan gas (O&G) negara dan bakal menjana tunai syarikat gas, sementara kesan ke atas Tenaga Nasional Bhd. (TNB) dijangka neutral.

Katanya, kenaikan tarif itu sejajar dengan program rasionalisasi subsidi kerajaan. Tarif untuk sektor tenaga akan dinaikkan daripada RM18.20 pada separuh pertama 2016 kepada RM19.70/satu juta unit termal British (MMBtu).

Ujar agensi itu lagi, purata ta-



rif gas disemak naik bagi komersial dan industri daripada RM25.53/ MMBtu kepada RM27.05/ MMBtu berkuat kuasa 15 Julai ini.

"Petronas akan mendapat manfaat daripada permohonan yang lebih seragam terhadap langkah pembaharuan harga gas di Malaysia.

"Perolehan jualan gas Petronas terdahulu daripada harga yang dikawal selia meliputi sektor kuasa dan bukan kuasa adalah signifikan," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Fitch Ratings, sejak kerajaan Malaysia memulakan kembali mekanisme Pelepasan Kos Bahan Api (FCPT) pada Janu-

ari 2014, tarif gas paip Petronas kepada sektor tenaga telah meningkat sebanyak 44 peratus.

Sejak Julai 2015, semakan harga di bawah mekanisme FCPT telah berlaku secara konsisten setiap enam bulan.

Petronas terus mengekalkan profail kredit berdiri sendiri yang kukuh dan menerima peringkat Fitch pada 'AA-'. Walau bagaimanapun, penarafan bagi syarikat itu merosot akibat tekanan ke atas penjanaan tunai operasi berikutnya hingga minyak yang rendah.

Petronas telah mengurangkan pembayaran dividen tetapi dengan harga minyak mungkin pulih secara perlahan-lahan, aliran tunai operasi syarikat berkemungkinan kekal di bawah tekanan.